

SIARAN MEDIA
(Untuk Penerbitan Segera)

12 Ogos 2016

CGC dan MRT Corp Meterai Memorandum Persefahaman bagi Membantu Kontraktor Bumiputera Mendapatkan Akses kepada Pembiayaan

-CGC mensasarkan untuk memperuntukkan pembiayaan bernilai RM100 juta kepada sub-kontraktor Bumiputera bagi Projek MRT Jajaran kedua

KUALA LUMPUR, 12 Ogos – Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) menandatangani Memorandum Persefahaman pada hari ini untuk membantu kontraktor Bumiputera yang layak bagi mendapatkan akses kepada pembiayaan melalui projek jajaran MRT Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (SSP) dibawah penyeliaan MRT Lembah Klang (KVMRT)

Kerjasama antara CGC dan MRT Corp akan membuka peluang bagi sub-kontraktor Bumiputera untuk mendapatkan pembiayaan bagi menjalankan kerja-kerja kontrak dalam projek yang melibatkan pembinaan rangkaian pengangkutan awam berasaskan rel, bersama dengan rel yang sedia ada seperti Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres, dan Sistem Transit KLIA yang merupakan tulang belakang bagi sistem pengangkutan awam di kawasan Kuala Lumpur / Lembah Klang.

"Kerjasama kami bersama MRT Corp merupakan peluang keemasan bagi CGC untuk memainkan peranannya dalam projek pembangunan infrastruktur negara seperti MRT Jajaran 2 yang merupakan salah satu agenda di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara," kata Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak kepada para wartawan selepas Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut.

"Pada peringkat awal kerjasama bersama MRT Corp, CGC merupakan pembiaya pilihan bagi kontraktor Bumiputera G1 ke G4 di bawah projek MRT Jajaran 1. Kami telah membantu kira-kira 12 kontraktor Bumiputera untuk menjalankan dan menyiapkan projek dengan jayanya dengan menyediakan pembiayaan melalui Dana Projek Usahawan Bumiputera (Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i atau TPUB -i)," tambah Zamree.

"Sokongan pembiayaan kami yang kukuh kepada kontraktor Bumiputera bagi projek MRT Jajaran 1 melalui TPUB-i dan juga minat kami dalam melanjutkan pembiayaan kepada kontraktor yang akan melaksanakan projek di masa hadapan telah dilihat secara positif oleh MRT Corp. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman pada hari ini merupakan bukti kepercayaan mereka terhadap CGC sebagai rakan kongsi yang diyakini untuk memberi pembiayaan kepada kontraktor Bumiputera," kata Zamree.

Zamree turut menambah bahawa CGC optimistik untuk membiayai RM100 juta daripada jumlah kontrak bernilai RM900 juta yang diperuntukkan di bawah pakej Bumiputera melalui projek MRT Jajaran 2 dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang.

Sehingga kini, MRT Corp telah menyaring 700 syarikat G1 dan G2 yang mempunyai potensi untuk mendapatkan kelayakan pembiayaan daripada dana RM900 juta yang diperuntukkan bagi projek MRT Jajaran kedua.

"Melalui pembiayaan TPUB-i, CGC telah menyediakan pembiayaan kepada kontraktor Bumiputera yang dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan. Setakat ini, CGC telah meluluskan pembiayaan bernilai RM854 juta melalui TPUB-i yang memanfaatkan kira-kira 1,200 PKS Bumiputera. Pada 2016, kami menyasarkan untuk meluluskan RM220 juta pembiayaan melalui TPUB-i," tambah Zamree lagi.

"Ini adalah sebahagian daripada inisiatif CGC untuk meningkatkan capaian PKS Bumiputera, dan juga melihat kepada sebahagian daripada syarikat-syarikat Bumiputera yang mengambil bahagian melalui projek-projek Jajaran MRT dimana merupakan kontraktor yang layak. Kami menjangkakan syarikat-syarikat Bumiputera ini akan dianugerahkan kontrak yang lebih banyak dalam masa terdekat dan sehubungan dengan itu, kami melihat mereka sebagai berpotensi untuk menggunakan produk CGC," katanya sambil menambah bahawa ini juga akan membantu CGC mengembangkan portfolio TPUB-i.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata produk pembiayaan CGC bagi kontraktor Bumiputera adalah amat penting dalam memastikan kejayaan penyertaan MRT Corp melalui Agenda Bumiputera untuk kontraktor PKS daripada Gred G1 kepada Gred G6.

"Saya difahamkan bahawa CGC telah menyediakan pembiayaan kepada kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga Gred G4 yang telah mengambil bahagian dalam pembinaan projek jajaran MRT Kajang - Sungai Buloh (SBK). Saya gembira bahawa ini akan berterusan bagi laluan MRT jajaran kedua dimana pinjaman yang disediakan adalah daripada Gred G1 hingga Gred G6 bagi projek MRT jajaran Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya dengan termeterainya Memorandum Persefahaman pada hari ini," katanya.

Beliau berterima kasih kepada CGC bagi usaha yang diambil dalam menyediakan produk pembiayaan khusus bagi kontraktor Bumiputera yang mengambil bahagian dalam Projek MRT, dengan terma dan syarat yang istimewa seperti dengan adanya dana mobilisasi sebagai sebahagian daripada pakej pinjaman, masa permohonan lebih cepat, kadar yang kompetitif dan ketersediaan taklimat dan bimbingan kepada para kontraktor.

"Dengan sokongan ini, saya percaya kontraktor tidak lagi akan menghadapi terlalu banyak masalah dalam memulakan kerja dan akan berjaya dalam menyelesaikan kontrak mereka," katanya.

Shahril berkata MRT Corp kekal komited kepada Agenda Bumiputera dan ini dapat dilihat daripada fakta bahawa jumlah nilai kontrak yang diberikan kepada syarikat-syarikat Bumiputera di bawah jajaran SBK adalah 50% daripada jumlah kontrak yang diberikan, dimana telah melepasi sasaran 43% yang ditetapkan oleh Kerajaan.

"Sasaran yang ditetapkan untuk jajaran SSP kini 45%. Saya yakin dengan sokongan daripada semua pihak termasuk CGC, MRT Corp akan dapat melangkaui sasaran ini, Insyaallah," katanya.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara CGC dan MRT Corp telah diadakan di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia. Menandatangani bagi pihak MRT Corp adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar, dan Mohd Zamree Mohd Ishak Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif bagi pihak CGC. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut telah disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt.

Mengenai CGC

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 5 Julai 1972 dan dimiliki oleh Bank Negara Malaysia sebanyak 78.65% dan selebihnya sebanyak 21.35% dimiliki oleh bank-bank komersil di Malaysia.

Perniagaan utama CGC adalah untuk membantu PKS dengan menyediakan perlindungan jaminan kepada mereka yang tidak mempunyai cagaran yang mencukupi atau rekod yang mencukupi untuk mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan. CGC telah menjamin lebih 442,000 pinjaman bernilai lebih RM61.5 bilion sejak penubuhannya.

Sokongan CGC terhadap PKS bukan sahaja terhadap kepada penyediaan jaminan pinjaman dan kemudahan pembiayaan, tetapi juga bagi kredit maklumat dan penarafan kredit perkhidmatan melalui anak syarikatnya Biro Kredit Malaysia. Melalui Biro Kredit, CGC membantu PKS dalam membina rekod kredit untuk meningkatkan kredibiliti dan 'bankability' dengan tujuan memperolehi pembiayaan kewangan berdasarkan merit mereka sendiri pada kos yang munasabah.

Di antara dana lain yang kini diurus oleh CGC termasuk Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i) dengan jumlah peruntukan masing-masing sebanyak RM3.5 bilion dan RM300 juta. Setakat ini, CGC telah menguruskan sebanyak 45 skim jaminan termasuk 16 skim yang dibiayai oleh kerajaan.

Sehingga kini, tujuh belas (17) Bank Komersil, lima belas (15) Bank Islam, dan tujuh (7) Institusi Pembangunan Kewangan (DFI) telah menyertai skim jaminan CGC dalam menyalurkan pembiayaan kewangan, kepada pelanggan melalui rangkaian yang luas, iaitu melebihi 2,600 cawangan di seluruh negara

PKS yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CGC di talian 03-7880-0088 atau layari www.cgc.com.my.

Bagi Pertanyaan Media:

**Jabatan Komunikasi Korporat,
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)**

Anna Rozana Ramli
Ketua, Perhubungan Awam & Media
HP: 012-237-1742
Emel: anna@cgc.com.my

Khairul Amri Aznan
Eksekutif, Perhubungan Awam & Media
HP: 011-123-990-53
Emel: khairulamri@cgc.com.my

Wan Nur Hidayah Mohamed Akhir
Eksekutif, Perhubungan Awam & Media
HP: 010-464-1753
Emel: wnhidayah@cgc.com.my